

Modul PDPR

P. ISLAM
TAHUN 5

BIDANG: IBADAH
TAJUK:
SOLAT BERJEMAAH
MEMBENTUK KEKUATAN UMMAH
- BAHAGIAN 1 -

Nama :

Kelas :

Tarikh : _____

Hari: _____

Masa : _____

M/P : Pendidikan Islam

Bidang : Ibadah

Tajuk : Solat Berjemaah Membentuk Kekuatan Ummah (Bahagian 1)

Objektif : Murid dapat:

1. menerangkan pengertian solat berjemaah.
2. menyatakan kepentingan dan kelebihan solat berjemaah.
3. membincangkan syarat sah solat berjemaah.

Aktiviti : 1. Murid membaca nota di dalam **MODUL** dengan bimbingan ibubapa/penjaga.
2. Murid menjawab latihan yang diberikan dengan bimbingan ibubapa/penjaga.

Bahagian 1

PENGERTIAN SOLAT BERJEMAAH

Solat yang dilakukan lebih daripada seorang, atau secara beramai-ramai, dengan diketuai seorang imam.

HUKUM

- Fardhu kifayah bagi solat fardhu.
- Fardhu ain bagi solat Jumaat.

INFO

FARDU KIFAYAH:

Sesuatu kewajipan apabila sebahagian orang melaksanakannya, maka kewajipan itu gugur bagi yang lain.



CONTOH
LAFAZ NIAT SOLAT BERJEMAAH



Imam

أُصَلِّي فَرَضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya:

Sahaja aku solat fardhu subuh 2 rakaat tunai sebagai imam kerana Allah Taala



Makmum

أُصَلِّي فَرَضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya:

Sahaja aku solat fardhu subuh 2 rakaat tunai sebagai makmum kerana Allah Taala



Kelebihan

SOLAT BERJEMAAH



1. Menambah khusyuk dalam solat.
2. Beroleh pahala 27 kali ganda.
3. Dicintai oleh Allah dan Rasulullah.
4. Mengukuhkan ukhwah sesama umat Islam!
5. Mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat

Kepentingan

1. Meningkatkan semangat berpasukan dan kerjasama.
2. Membentuk diri berdisiplin dan mematuhi ketua.
3. Melatih diri menepati masa.
4. Menambah rasa kasih sayang dan hormat menghormati tanpa mengira darjat.

INFO

Berdasarkan sabda Nabi SAW: Solat berjemaah itu lebih afdal(baik) daripada solat bersendirian dengan 27 kali darjat.
(Riwayat al Bukhori dan Muslim)

NILAI

Disiplinkan diri.
keredhaan dicari.



SYARAT-SYARAT SAH SOLAT BERJEMAAH



1. Perbuatan zahir imam dan makmum sama.
2. Makmum mengikut imam:
 - * takbir : mesti terkemudian daripada takbir imam.
 - * perbuatan lain: tidak mendahului imam melebihi 2 rukun tanpa ada keuzuran.
3. Makmum mengetahui pergerakan imam.
4. Makmum dan imam berhimpun dalam satu tempat tanpa berpisah.
5. Makmum tidak tertinggal daripada mengikut pergerakan imam sebanyak 2 rukun tanpa keuzuran atau 3 kali rukun panjang dengan keuzuran.
6. Perbuatan sunat makmum dan imam tidak bercanggah secara ketara kecuali qunut.

Bersambung



SYARAT-SYARAT SAH SOLAT BERJEMAAH



Sambungan...

7. Makmum berniat mengikut imam.
8. Makmum yakin solat imam sah.
9. Solat imam bukan dalam kategori solat yang wajib diulang.
10. Martabat imam dari sudut jantina tidak kurang daripada makmum.
11. Imam tidak ummi sedangkan makmum pula banyak bacaannya.
12. Imam yang diikuti tidak mengikut imam lain.

Nama:.....

Kelas:.....

A. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

berhimpun

imam

ain

kifayah

lebih

1. Solat berjemaah ialah solat yang dilakukan _____ daripada seorang, atau secara beramai-ramai, dengan diketuai oleh seorang imam.
2. Hukum bagi solat berjemaah bagi solat fardhu adalah fardhu _____ dan bagi solat jumaat adalah fardhu_____.
3. Dalam solat berjemaah makmum hendaklah berniat mengikut _____.
4. Makmum dan iman hendaklah _____ dalam satu tempat tanpa berpisah merupakan syarat sah solat berjemaah.

B. Tuliskan KELEBIHAN atau KEPENTINGAN solat berjemaah bagi pernyataan di bawah.

1. Beroleh pahala 27 kali ganda.

2. Melatih diri menepati masa.

3. Meningkatkan semangat berpasukan dan kerjasama.

4. Mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat.

5. Menambah khusyuk dalam solat.

